

PARLIMEN-PELAJAR

1984
KUALA LUMPUR, 43 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN KESAL TERHAOAP TINDAKAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI YANG BERJUANG UNTUK MENJATUHKAN KERAJAAN MELALUI REVOLUSI DAN KEKERASAAN.

BELIAU MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT TERDAPAT PELAJAR-PELAJAR YANG BERSIKAP MILITAN DAN BANGGA SERTA SUKA +DITEPUK BELAKANG+ OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA LUAR DI MANA MEREKA MENUNTUT.

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA) SEMASA SOAL-JAWAB, PERDANA MENTERI BERKATA SIKAP PELAJAR-PELAJAR ITU ADALAH BERLANJUTAN DENGAN PERANAN MEREKA SELAKU DUTA KECIL NEGARA DI LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH KERAJAAN TIDAK BERHAJAT MENGAMBIL TINDAKAN TERHAOAP PELAJAR-PELAJAR YANG MENKRITIK KERAJAAN KERANA ITU ADALAH HAK MEREKA.

BELIAU JUGA MENAFIKAN BAHAWA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN MEMINTA PENUNTUT-PENUNTUT BKRKKNAAN MENYATAKAN SEBAB-SEBAB MENGAPA MEREKA TIDAK BOLEH DIAMBIL TINDAKAN SEBAGAI HASIL LAWATAN BELIAU KE BEBERAPA NEGARA BARU-BARU INI.

MENJAWAB SOALAN ASAL ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEMASA LAWATAN BELIAU KE KANADA, AMERIKA SYARIKAT DAN PERANCIS BARU-BARU INI BELIAU TELAH DIBERI KEPASTIAN OLEH PIHAK-PIHAK BERKENAAN BAHAWA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA AKAN TERUS DITERIMA DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI MEREKA.

KANADA AKAN MENIMBANGKAN PENGIKTIRAFAN SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA OLEH LEBIH BANYAK UNIVERSITI DI NEGARA TERSEBUT.

PERANCIS PWLA TELAH BERSETUJU MENINGKATKAN KERJASAMA DALAM BIDANG PENGAJARAN. URUSAN LANJUT AKAN DISELENGGARAKAN OLAKH SEBUAH JAWATAN-KUASA TEKNIK BERSAMA YANG AKAN DITUBUHKAN SEDIKIT MASA LAGI.

-- LAGI 1609/AZ

PARLIMEN-PELAJAR 3 KUALA LUMPUR

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI PULA MEMBERITAHU DEWAN BAHAWA JPM TIDAK BERTANGGUNG JAWAB SECARA LANGSUNG KE ATAS PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT.

PENYELARASAN ITU DIBUAT MELALUI SEBUAH JAWATANKUASA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH BELIAU SENDIRI SEMENTARA PARA ANGGOTANYA ATERDIRI DARIPADA BEBERAPA ORANG MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANANDARI KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN BERKAITAN, KATANYA.

DI LUAR NEGERI JAWATANKUASA BERKENAAN DI PENGERUSIKAN OLEH DUTA BESAR ATAU PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA, KATANYA.

MENURUT BELIAU, KEGIATAN PARA PELAJAR DI SEBERANG LAUT DIAWASI MELALUI ORGANISASI TERSEBUT, KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PELAJAR-PELAJAR BEBAS MEMBUAT KRITIKAN MEMBINA. +KRITIKAN-KRITIKAN YANG BOLEH MEMBERI MANFAAT AKAN DIPERTIMBANGKAN,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT MENGONGKONG KEGIATAN-KEGIATAN SIHAT DI KALANGAN PARA PELAJAR TETAPI TINDAKAN TEGAS AKAN DIAMBIL TERHADAP PELAJAR-PELAJAR TERTENTU JIKA TERDAPAT BUKTI MENCUKUPI YANG MEREKA MENENTANG KERAJAAN.

-- BERNAMA 1638/LK